Pembinaan Kogo Sdn Bhd dan lain-lain lwn LPI Capital Bhd (dahulunya dikenali sebagai London & Pacific Insurance Co Ltd)

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN SIVIL NO W–02–286 TAHUN 2005

RICHARD MALANJUM HMR, HASHIM YUSOFF DAN MOKHTAR SIDIN HMRR

29 MAY 2006

Acara Sivil — Rayuan — Rekod rayuan — Kebenaran memfailkan rekod rayuan semula di luar jangkamasa dan perlanjutan masa — Sama ada cadangan rekod rayuan yang baru harus dilampirkan atau dikemukakan

Rayuan sebenar kes ini telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 16 Jun 2005. Sebelum itu perayu pada 14 Mei 2005 telah memfailkan satu notis usul (lampiran (9a)) memohon perintah-perintah berikut: (i) kebenaran untuk memfailkan rekod rayuan semula di luar jangka masa; (ii) untuk perlanjutan masa untuk memfailkan dan menyerahkan rekod rayuan semula. Notis usul ini juga telah ditetapkan untuk pendengaran pada 16 Jun 2005 yang akan didengar dahulu. Permohonan yang dibuat oleh perayu di dalam lampiran (9a) mengesahkan bahawa rekod rayuan yang telah difailkan oleh perayu pada 22 April 2005 sebelum notis usul ini adalah tidak lengkap dan tidak teratur. Peguamcara responden telah berhujah menyatakan bahawa sehingga pendengaran permohonan ini dan pendengaran rayuan sebenar yang telah ditetapkan pada hari yang sama, cadangan rekod rayuan baru di mana peguamcara perayu telah menyatakan pembetulan telah dibuat tidak ada difailkan ataupun dikemukakan. Peguamcara perayu menyatakan bahawa rekod rayuan yang telah diperbetulkan telahpun sedia untuk difailkan. Walau bagaimanapun, cadangan rekod rayuan yang baru (yang teratur dan dikemaskini) tidak ada difailkan kerana permohonan di lampiran (9a) adalah untuk mendapatkan kebenaran untuk memfailkan di luar jangka masa.

Diputuskan, menolak permohonan lampiran (9a) dan membatalkan rayuan sebenar:

(1) Mahkamah telah mengambilkira bahawa permohonan di dalam lampiran (9a) telah ditetapkan untuk pendengarannya bersama-sama dengan rayuan yang dibuat oleh perayu. Ini bermakna bahawa rayuan akan didengar sebaik sahaja permohonan oleh perayu dibenarkan. Dengan itu, peguamcara perayu sepatutnya tahu bahawa sekurang-kurangnya rekod rayuan baru yang dicadangkan sudah sedia ada di tangan beliau untuk dikemukakan ke mahkamah sekiranya diperlukan. Ini untuk memastikan bahawa pendengaran rayuan sebenar dapat dijalankan tanpa apa-apa penangguhan. Sekurang-kurangnya rekod rayuan baru yang dicadangkan itu telah dihantar kepada peguamcara responden untuk pertimbangan beliau kerana peguamcara

responden yang telah memberitahu peguamcara perayu bahawa rekod rayuan yang difailkan adalah tidak teratur dan tidak lengkap. Ini juga tidak dilakukan oleh perayu (lihat perenggan 9).

(2) Pada kebiasaannya, di dalam permohonan seperti ini iaitu untuk meminda atau membetulkan atau memfailkan rekod rayuan yang baru, maka semua cadangan itu hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan iaitu sebagai ekshibit ataupun lampiran. Ini adalah bertujuan untuk menunjukkan bukan sahaja perayu telah menyediakan rekod rayuan yang baru, tetapi untuk memastikan bahawa rekod rayuan yang baru yang dicadangkan itu adalah teratur dan lengkap. Ini juga adalah untuk menjamin supaya rekod rayuan yang baru itu dapat digunakan sebagai rekod rayuan sekiranya mahkamah ingin meneruskan perbicaraan ke atas rayuan tersebut. Ini tidak dilakukan oleh perayu (lihat perenggan 10).

(3) Di atas penolakan permohonan lampiran (9a), pendengaran rayuan sebenar telah ditetapkan pada hari yang sama, maka rayuan ini tidak dapat didengar kerana ketiadaan rekod rayuan yang betul, teratur dan lengkap. Dengan itu, rekod rayuan itu tidak boleh dipakai ataupun digunakan. Di atas sebab-sebab tersebut rayuan patut dibatalkan kerana tidak berkeupayaan (incompetent) kerana ketiadaan rekod rayuan yang teratur dan lengkap (lihat perenggan 12).

[English summary

The appeal proper of this case was fixed for hearing on 16 June 2005. Before this, the appellant on 14 May 2005 had filed a notice of motion (encl (9a)) praying for: (i) leave to refile the record of appeal out of time (ii) for enlargement of time to file and serve the record of appeal again. The notice of motion was also fixed for hearing on 16 June 2005 and this was heard first. The application by the appellant in encl (9a) confirmed that the record of appeal, which was filed by the appellant on 22 April 2005 before the notice of motion was incomplete and irregular. The respondent's solicitors submitted that until the hearing of this application and the hearing of the appeal proper which was fixed on the same day, the suggested new record of appeal where the appellant's solicitors alleged that correction has been made was not filed nor enclosed. The appellant's solicitors submitted that the corrected record of appeal was ready to be filed. However, the suggested new record of appeal (which was regular and proper) was not filed as the application in encl (9a) was to obtain leave to file out of time.

Held, dismissing the application in encl (9a) and striking out the appeal proper:

(1) The court took into consideration that the application in encl (9a) was fixed for hearing together with the appeal by the appellant. This means that the appeal would have been heard immediately after the application by the appellant is allowed. As such the solicitors for the appellant should have known that at least the suggested new appeal record ought to be ready in her hand to be presented to the court should the need arises. This is to ensure that the hearing of the appeal proper can proceed without any delay. In the least, the new suggested appeal record should have been sent to the solicitors for the

respondent for his consideration as the respondent's solicitors had informed the appellant's solicitors that the appeal record filed was incomplete and irregular. This was not done by the appellant (see para 9).

(2) Usually in an application such as this where it is to amend or to correct or to file a new appeal record, all suggestions must be presented together with the application as an exhibit or enclosure. The purpose is to show not only that the appellant has a new record of appeal ready, but to ensure that the suggested new appeal record is complete and regular. This is also to ensure that the appeal record can be utilised in the event the court decided to continue with the hearing of the said appeal. This was not done by the appellant (see para 10).

(3) In dismissing the application in encl (9a), the hearing proper which was fixed on the same date could not go on as there was no proper, regular and complete record of appeal. Hence, the appeal record cannot be used nor utilised. On those grounds, the appeal is struck out as it was incompetent as there was no complete and regular appeal record (see para 12).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rekod rayuan, lihat 2 *Mallal's Digest* (4th Ed) Consolidated Subject Index perenggan 1229–1281.

Rayuan daripada: Guaman No D6–22–2044 tahun 1999 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Rasamani Kandiah (Mohd Latip & Associates) bagi pihak perayu pertama, kedua dan ketiga.

TY Wu (Wu & Co) bagi pihak responden.

Mokhtar Sidin HMR (menyampaikan penghakiman mahkamah):

[1] Rayuan sebenar kes ini telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 16 Jun 2005. Sebelum itu perayu pada 14 Mei 2005 telah memfailkan satu notis usul (lampiran (9a)) memohon perintah-perintah berikut:

(1) kebenaran untuk memfailkan rekod rayuan semula di luar jangkamasa;

(2) untuk perlanjutan masa untuk memfailkan dan menyerahkan rekod rayuan semula.

[2] Notis usul ini juga telah ditetapkan untuk pendengaran pada 16 Jun 2005. Memandangkan notis usul ini memohon untuk memfailkan rekod rayuan semula, iaitu asas rayuan sebenar yang akan didengar, maka kami memutuskan notis usul (lampiran (9a)) itu didengar dahulu. Responden telah membantah permohonan-permohonan yang dibuat di dalam notis usul tersebut. Adalah jelas kepada kami permohonan yang dibuat oleh perayu di dalam lampiran (9a) mengesahkan bahawa rekod rayuan yang telah difailkan oleh perayu sebelum notis usul ini adalah tidak lengkap dan tidak teratur.

[3] Di dalam afidavit menyokong permohonan yang diikrarkan oleh Puan Rasamani Kandiah iaitu peguam perayu menyatakan, antara lain, seperti berikut:

(i) perayu di dalam rayuan ini adalah pihak ketiga di Mahkamah Tinggi. Perayu tidak berpuashati dengan keputusan yang telah diberikan oleh Mahkamah Tinggi pada 1 Mac 2005;

(ii) perayu seterusnya telah memfailkan rekod rayuannya pada 20 April 2005 di mana satu salinannya telah diserahkan kepada responden pada 22 April 2005;

(iii) pada 11 Mei 2005 firma peguamcara perayu telah menerima sepucuk surat melalui faksimili daripada peguamcara responden yang menyatakan bahawa rekod rayuan yang telah difailkan oleh peguamcara perayu mengandungi dokumen-dokumen yang tidak relevan;

(iv) peguamcara perayu seterusnya mengakui ada terdapat kesalahan di dalam rekod rayuan yang telah difailkan. Peguamcara perayu telah membuat pembetulan mengikut apa yang dinyatakan oleh peguamcara responden;

(v) peguamcara perayu menyatakan bahawa permohonannya tidak akan memprejudiskan responden sekiranya permohonan ini dibenarkan.

[4] Di dalam afidavit jawapan responden yang telah diikrarkan oleh peguam responden, Encik Peter Douglas Ling, menyatakan, antara lain, seperti berikut:

(a) Sebagai pendahuluan, peguamcara responden menyatakan bahawa peguamcara perayu menyerahkan permohonan tersebut dan afidavit sokongan kepada peguamcara responden hanya pada 27 Mei 2005 (notis usul yang tidak dimeterai) dan pada 30 Mei 2005 (notis usul yang telah dimeterai) melalui surat-surat bertarikh 26 Mei 2005 dan 30 Mei 2005 masing-masing.

(b) Setelah meneliti rekod rayuan yang telah diserahkan pada 22 April 2005, peguamcara responden telah mendapati bahawa rekod rayuan itu tidak teratur dan melanggar, antara lain, Kaedah-kaedah Mahkamah Rayuan. Pada 29 April 2005, di Mahkamah Tinggi Johor Bahru, peguamcara responden telah memaklumkan kepada peguamcara perayu ketidakaturan itu dan menyatakan bantahannya. Peguamcara responden juga telah menghantar surat kepada peguamcara perayu menyatakan kesalahan yang terdapat di dalam rekod rayuan tersebut.

(c) Sehingga tarikh afidavit jawapan itu diikrarkan peguamcara perayu tidak ada memfailkan apa-apa rekod rayuan baru (yang dicadangkan).

[5] Di hadapan kami, peguamcara responden telah berhujah menyatakan bahawa sehingga pendengaran permohonan ini dan pendengaran rayuan sebenar yang telah ditetapkan pada hari yang sama, cadangan rekod rayuan baru di mana peguamcara perayu telah menyatakan pembetulan telah dibuat tidak ada difailkan ataupun dikemukakan. Di dalam permohonan seperti ini pada kebiasaannya cadangan rekod rayuan baru hendaklah dikemukakan bersama dengan notis usul untuk memastikan pembetulan-pembetulan telah dibuat. Rayuan sebenar akan didengar sebaik sahaja notis usul dibenarkan kerana notis usul dan rayuan sebenar telah ditetapkan untuk

perbicaraan pada hari yang sama. Dengan itu, peguamcara responden menyatakan bahawa perayu belum menyiapkan rekod rayuan baru.

[6] Dengan itu, apa yang ada di hadapan mahkamah sekarang dan di dalam tangan responden ialah rekod rayuan yang difailkan pada 22 April 2005 yang telah diakui sendiri oleh peguamcara perayu adalah tidak teratur, salah aturan dan tidak lengkap. Pertama sekali, perintah bermeterai tidak ada di dalam rekod rayuan yang difailkan pada 22 April 2005. Kedua dan yang paling ketara ialah permohonan di bawah Aturan 14 Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi yang dibuat oleh responden di Mahkamah Tinggi untuk mendapatkan penghakiman muktamad tidak terdapat di dalam rekod rayuan tersebut. Rayuan yang ditetapkan perbicaraan pada hari ini adalah rayuan ke atas keputusan permohonan di bawah Aturan 14 itu di mana permohonan untuk penghakiman muktamad dibenarkan oleh Mahkamah Tinggi. Perintah kedua yang telah diberikan oleh Mahkamah Tinggi di mana rayuan juga telah dibuat oleh perayu juga tidak terdapat di dalam rekod rayuan. Dengan itu, rekod rayuan yang difailkan pada 22 April 2005 adalah tidak teratur dan tidak lengkap.

[7] Peguam responden seterusnya menyatakan pada kebiasaannya di dalam permohonan seperti ini, sekiranya cadangan rekod rayuan baru tidak dapat dilampirkan ataupun tidak sempat hendak disediakan, maka dokumen-dokumen yang hendak dimasukkan atau sebaliknya hendaklah dilampirkan bersama-sama afidavit sokongan. Ini adalah untuk membolehkan mahkamah menimbangkan sama ada dokumen-dokumen itu perlu dimasukkan atau tidak dan perayu, jika perlu, diberikan masa untuk menyediakan rekod rayuan baru untuk difailkan. Di sini perayu tidak ada berbuat demikian. Dengan itu, peguamcara responden telah berhujah supaya permohonan di lampiran (9a) ditolak.

[8] Peguamcara perayu menyatakan bahawa rekod rayuan yang telah diperbetulkan telahpun sedia untuk difailkan. Walau bagaimanapun, cadangan rekod rayuan yang baru (yang teratur dan dikemaskini) tidak ada difailkan kerana permohonan di lampiran (9a) adalah untuk mendapatkan kebenaran untuk memfailkan di luar jangka masa. Di dalam mahkamah juga peguamcara perayu tidak ada menunjukkan rekod rayuan cadangan yang hendak difailkan itu.

[9] Mahkamah telah mengambilkira bahawa permohonan di dalam lampiran (9a) telah ditetapkan untuk pendengarannya bersama-sama dengan rayuan yang dibuat oleh perayu. Ini bermakna bahawa rayuan akan didengar sebaik sahaja permohonan oleh perayu dibenarkan. Dengan itu, peguamcara perayu sepatutnya tahu bahawa sekurang-kurangnya rekod rayuan baru yang dicadangkan sudah sedia ada di tangan beliau untuk dikemukakan ke mahkamah sekiranya diperlukan. Ini untuk memastikan bahawa pendengaran rayuan sebenar dapat dijalankan tanpa apa-apa penangguhan. Sekurang-kurangnya rekod rayuan baru yang dicadangkan itu telah dihantar kepada peguamcara responden untuk pertimbangan beliau kerana peguamcara responden yang telah memberitahu peguamcara perayu bahawa rekod rayuan yang difailkan adalah tidak teratur dan tidak lengkap. Ini juga tidak dilakukan oleh perayu.

[10] Pada kebiasaannya, di dalam permohonan seperti ini iaitu untuk meminda atau membetulkan atau memfailkan rekod rayuan yang baru, maka semua cadangan itu hendaklah dikemukakan bersama-sama dengan permohonan iaitu sebagai eksibit ataupun lampiran. Ini adalah bertujuan untuk menunjukkan bukan sahaja perayu telah menyediakan rekod rayuan yang baru, tetapi untuk memastikan bahawa rekod rayuan yang baru yang dicadangkan itu adalah teratur dan lengkap. Ini juga adalah untuk menjamin supaya rekod rayuan yang baru itu dapat digunakan sebagai rekod rayuan sekiranya mahkamah ingin meneruskan perbicaraan ke atas rayuan tersebut. Ini tidak dilakukan oleh perayu.

[11] Di atas sebab-sebab yang dinyatakan, kami tidak mempunyai pilihan kecuali untuk menolak permohonan lampiran (9a).

[12] Di atas penolakan permohonan lampiran (9a), peguamcara responden telah berhujah bahawa pendengaran rayuan sebenar telah ditetapkan pada hari yang sama, maka rayuan ini tidak dapat didengar kerana ketiadaan rekod rayuan yang betul, teratur dan lengkap. Peguamcara perayu sudah mengakui di dalam afidavitnya bahawa rekod rayuan yang difailkan pada 22 April 2005 adalah tidak lengkap dan salah aturan. Dengan itu, rekod rayuan itu tidak boleh dipakai ataupun digunakan. Di atas sebab-sebab tersebut rayuan patut dibatalkan kerana tidak berkeupayaan (incompetent) kerana ketiadaan rekod rayuan yang teratur dan lengkap. Peguamcara perayu tidak menjawab hujahan tersebut.

[13] Kami bersetuju dengan apa yang telah dihujahkan oleh peguamcara responden. Dengan itu, kami memutuskan bahawa rayuan ini ditolak dengan kos. Deposit dibayar kepada responden sebagai sebahagian daripada kos yang ditaksirkan.

Permohonan lampiran (9a) ditolak. Rayuan sebenar dibatalkan.

Reported by Sally Kee